

Hotel mirip istana di Melaka

Oleh **NUZULSHAM SHAMSUDDIN**
zulsham@kosmo.com.my

MELAKA - Sebuah hotel mirip istana Sultan Melaka pada kurun ke-14 dan 15 akan dibangunkan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Hotel yang dikenali sebagai Hotel Empayar Mudzaffar bertaraf lima bintang itu dijangka siap menjelang September tahun depan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, hotel bernilai RM150 juta itu akan menyediakan 288 bilik dan ia turut dilengkapi dengan sebuah replika kapal Laksamana Cheng Ho di luar bangunan hotel tersebut.

"Ini akan menjadi satu lagi daya tarikan di Melaka sebagai sebuah destinasi pelancongan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau pembangunan Hotel Empayar Mudzaffar di Lingkaran MITC di sini semalam.

Mengulas lanjut, Pengerusi Eksekutif Bumisetia Management and Services Sdn. Bhd., Datuk Abdul Latiff Mirasa menjelaskan, hotel itu akan dikelilingi dengan tasik buatan di atas sebahagian tapak MITC seluas 1.6 hektar.

Mengenai replika kapal itu pula, beliau berkata, ia akan mengandungi restoran yang boleh memuatkan 300

orang, muzium, panggung wayang berkonsepkan empat dimensi dan ruang untuk bersantai.

"Ruang lobi termasuk *coffee house* yang akan dibina di sini juga akan dihias seiring dengan konsep zaman Melayu Melaka.

"Kami mahu memastikan pelanggan yang menginap di sini nanti akan menikmati pengalaman unik dan penuh bersejarah tetapi disulami dengan suasana kehidupan moden," katanya.

Tambah Abdul Latiff, antara kemudahan lain yang terdapat di situ ialah kolam renang, spa, dewan majlis bilik seminar dan kedai cenderamata.



MOHD. ALI (kanan) melihat pelan Hotel Empayar Mudzaffar di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka di Melaka semalam.